

Saintis muda teruskan kecemerlangan penyelidikan

SEPANJANG 10 tahun berkhidmat di UPM, Dr. Hayrol Azril Mohamed Shaffril dilihat sebagai muka baharu yang mampu meningkatkan nama institusi pengajian tinggi tersebut dalam bidang sains sosial.

Justeru tidak pelik apabila Hayrol Azril yang merupakan anak jati Kajang, Selangor memberi tumpuan dalam bidang penyelidikan berkaitan industri komuniti luar bandar khususnya nelayan serta isu berkaitan dengan adaptasi sosial terhadap perubahan cuaca, kesejahteraan subjektif serta penggunaan teknologi dalam komuniti diangkat sebagai penerima Kategori Penyelidik Muda bagi segmen penyelidikan dan Inovasi serta Kategori Penerbitan Makalah Jurnal.

Sehingga Mei 2018, beliau telah menyertai 50 projek penyelidikan dari pelbagai sumber dana tempatan, 11 projek konsultasi bersama pelbagai agensi kerajaan serta dua projek antarabangsa bersama Southeast Asian Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA) dan London School of Hygiene.

“Selain itu, antara kelebihan saya menerima dua anugerah ini juga dilihat daripada penglibatan secara aktif dalam beberapa tugas lain, keahlian dalam kesatuan, jaringan yang diwujudkan serta sumbangan penilai,” katanya.

Dari segi penerbitan, beliau berjaya menerbitkan lebih daripada 130 artikel jurnal sebagai penulis utama dan penulis bersama. Sejumlah 97 daripada artikel ini diterbitkan di jurnal *Diindeks Scopus*, manakala 21 artikel lagi diterbitkan di jurnal *Diindeks Web of Science*.

Hayrol Azril turut berkongsi H-Index terkininya adalah lapan. Selain penulisan artikel jurnal, beliau juga merupakan penulis bagi lima buah buku dan berjaya menerbitkan 13 bab dalam buku, membentangkan 23 kertas kerja penyelidikan pada persidangan tempatan serta antarabangsa, dan memiliki dua harta intelek (IP).



DR. HAYROL AZRIL MOHAMED SHAFFRIL menerima anugerah Penyelidik Muda dan Penerbitan Jurnal daripada Sultan Selangor baru-baru ini.

Selain itu, antara kelebihan saya menerima dua anugerah ini juga dilihat daripada penglibatan secara aktif dalam beberapa tugas lain, keahlian dalam kesatuan, jaringan yang diwujudkan serta sumbangan penilai.”

“Dalam konteks penyelidikan, saya memberi tumpuan kepada persepsi nelayan terhadap kesihatan dari pelbagai aspek dan penggunaan teknologi komuniti seperti sistem penentu kedudukan global (GPS). Ini kerana majoriti nelayan di negara ini agak sukar menerima pembaharuan dan terikat dengan cara tradisional,” jelasnya.

Selain itu, beliau juga merupakan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008 dan 2016 selain memenangi sejumlah enam pingat emas, empat perak dan tiga

gangsa sepanjang penyertaan dalam Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi (PRPI). Beliau turut terpilih sebagai penilai artikel bagi jurnal terpilih dengan penerbit *Springer* dan juga *Sage*.

Selain penglibatan dalam dunia penyelidikan, beliau merupakan pengasas kepada Kumpulan Sokongan Pelajar, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), sebuah *Facebook Group* yang memberi pendedahan kepada pelajar pascasiswazah dan penyelidik berkaitan ilmu, tip, panduan serta perkongsian pengalaman dunia penyelidikan sains sosial. Kini kumpulan terbabit mempunyai lebih dari 4,000 ahli.

Beliau juga merupakan ahli dalam National Geographic Society.

“Saya jangka lebih banyak program yang melibatkan penyertaan antarabangsa pada masa akan datang. Saya akan cuba mencari jalan atau jaringan untuk menjalin kerjasama dengan penyelidik antarabangsa untuk membuat kajian di dalam negara.

“Pandangan orang luar jika disatukan dengan cara pemikiran orang tempatan mungkin akan memberi manfaat dalam bidang yang saya ceburi,” katanya.